



SIARAN AKHBAR

PENIPUAN KEWANGAN DAN KESALAHAN DI BAWAH s74A PERINTAH AMBD, 2010

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin menekankan bahawa penggunaan nama AMBD tanpa kebenaran oleh mana-mana individu, organisasi, syarikat atau institusi adalah tidak dibenarkan.
2. Dalam hal ini, AMBD ingin mengingatkan kepada orang ramai bahawa di bawah Seksyen 74A Perintah AMBD, 2010, ianya adalah menjadi kesalahan jika:-
 - a. menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau gambaran AMBD yang serupa tanpa kebenaran bertulis; atau
 - b. menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau gambaran AMBD yang serupa atau menyerupai nama, simbol, rekabentuk atau gambaran AMBD untuk memperdaya/menipu atau menyebabkan kekeliruan atau berkemungkinan untuk memperdaya/menipu atau menyebabkan kekeliruan.

Jika sabit kesalahan, pesalah akan didenda tidak melebihi \$20,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 7 tahun atau kedua-dua sekali.

3. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk berwaspada apabila ditawarkan perkhidmatan pelaburan atau produk-produk kewangan melalui media sosial yang seolah-olah telah diberi kebenaran oleh AMBD dengan menggunakan nama, simbol, rekabentuk dan gambaran AMBD. Orang ramai juga dinasihatkan untuk hanya berurusan dengan individu atau syarikat-syarikat yang dilesenkan atau dikawalselia oleh AMBD. Senarai entiti yang dilesenkan oleh AMBD boleh diperolehi melalui laman web www.ambd.gov.bn.
4. AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam, dan melindungi integriti AMBD serta kepentingan orang ramai. AMBD juga akan terus memantau serta melaporkan sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam kepada pihak Berkuasa yang berkenaan. Jika orang ramai mempunyai

sebarang maklumat mengenai aktiviti-aktiviti tersebut, sila hubungi AMBD melalui talian 2380007 atau emel melalui fci@ambd.gov.bn.

Rujukan: AMBD/COMMS/3

Tarikh: 23 Jamadilakhir 1440/ 28 Februari 2019

Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), selaku bank pusat Negara Brunei Darussalam, mempunyai empat objektif utama iaitu; untuk mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik; memastikan kestabilan sistem kewangan, melalui peraturan kewangan dan piawaian yang berhemat; membantu dalam mengadakan sistem pembayaran yang cekap; dan menggalakkan dan mengembangkan sector perkhidmatan kewangan yang kukuh serta progresif.